

17/01/2002

JAJ wajar tangani isu keputusan palsu ujian HIV

Ahmad Fauzi Mustafa; Mohd Fairuz Zaidan

PERSOALAN pertama dikemukakan kepada Majlis Aids Malaysia (MAM) ialah sama ada ujian pelaksanaan HIV/Aids itu berkesan atau tidak.

Ini berikutan langkah Jabatan Agama Johor (JAJ) mengeluarkan fatwa yang mewajibkan semua bakal pengantin Islam di negeri itu mendapatkan sijil kesihatan sebelum bernikah.

Untuk mendapatkan sijil itu, bakal pengantin hanya perlu menjalani ujian HIV, iaitu virus yang menyebabkan Aids, walaupun ada banyak penyakit lain yang juga berjangkit seperti sipilis dan hepatitis, dan wabak yang turut mempunyai risiko diturunkan kepada anak seperti thalassemia.

Jika bakal pengantin enggan menjalani ujian itu, mereka tidak akan dibenarkan berkahwin di Johor tetapi menurut JAJ, jika seseorang itu didapati dijangkiti HIV (dinamakan positif HIV), dia tidak akan dihalang daripada berkahwin dan akan diberi kaunseling supaya pencegahan dapat diambil.

Berdasarkan reaksi itu, MAM berpandangan bahawa fatwa yang dikeluarkan itu adalah berdasarkan niat JAJ untuk melindungi rakyat Islam Johor daripada terjebak dalam wabak HIV/Aids yang amat serius ini.

Niat murni itu timbul apabila perangkaan Jabatan Kesihatan Johor menunjukkan bahawa HIV/Aids berleluasa di negeri itu dan semakin ramai wanita dijangkitinya daripada suami mereka.

Timbullah keinginan JAJ untuk mencari jalan supaya wanita Johor dilindungi daripada jangkitan HIV yang juga boleh menjangkiti bayi dalam kandungan.

Sehingga Jun 2001, Kementerian Kesihatan melaporkan seramai 40,877 orang dijangkiti HIV di Malaysia.

Ini adalah jumlah kumulatif sistem saringan HIV yang bermula di negara ini sejak 1986. Daripada jumlah itu, kira-kira 90 peratus adalah lelaki dan 10 peratus wanita.

Pembahagian di antara jantina yang tidak seimbang ini disebabkan kebanyakan 'orang yang hidup' dengan HIV/Aids (ODHA) di Malaysia adalah pengguna dadah. Hasil ujian mandatori bagi semua penghuni pusat serenti turut mendapati kebanyakan pengguna dadah adalah lelaki.

Bagaimanapun, Presiden MAM, Datuk Paduka Marina Mahathir, juga menyentuh soal perangkaan Kementerian Kesihatan yang menunjukkan bahawa jumlah wanita yang dijangkiti HIV kian meningkat dari satu peratus pada 1990 kepada 10 peratus pada 2000.

"Nyata ini adalah satu peningkatan yang patut dianggap satu peningkatan radikal dan membimbangkan.

"Tambahan pula, corak aliran kenaikan bilangan wanita yang dijangkiti adalah hasil data program saringan HIV ante-natal kementerian untuk semua wanita hamil di hospital kerajaan.

"Program ini bertujuan mencegah jangkitan HIV daripada ibu yang positif HIV kepada bayinya dengan pemberian ubat zidovudine yang boleh mengurangkan risiko jangkitan daripada 30 peratus kepada 10 peratus.

"Program ini membabitkan lebih 700,000 wanita dan hanya 210 orang (0.3 peratus) dikesan sebagai HIV-positif dan hanya 11 orang (5.2 peratus) daripada bayi mereka dilahirkan dengan HIV.

"Program ini dianggap berjaya dalam objektif utamanya, iaitu mencegah jangkitan daripada ibu kepada bayi," katanya.

Meskipun berjaya dalam objektif asalnya, jelas bahawa jangkitan kepada wanita sendiri menjadi satu isu pokok.

Kebanyakan wanita itu dijangkiti daripada suami mereka sendiri. Justeru, isu pangkalnya adalah bagaimana untuk mencegah jangkitan kepada wanita ini sebelum kehamilan. Jika wanita tidak dijangkiti HIV, bayinya juga boleh dijangkiti penyakit itu.

Marina berkata, ujian praperkahwinan pada amnya bermanfaat bagi bakal pengantin.

Katanya, jika pasangan itu boleh berbincang mengenai isu yang amat sensitif ini dan mengambil keputusan bersama untuk menguji, maka tentulah komunikasi di antara kedua-dua insan itu baik dan masa depan mereka sebagai pasangan berkahwin cerah.

"Pasangan yang pergi mengambil ujian HIV berpeluang mendapat maklumat mengenai pencegahan seumur hidup dan jika didapati HIV positif, mereka membuat keputusan yang arif mengenai masa depan masing-masing.

"Apa pun, yang penting ialah ujian ini dijalankan secara sukarela dan merangkumi kaunseling bermutu sebelum dan selepas ujian.

"Inilah cara disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Badan Bergabung Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai HIV/Aids (UNAIDS) atau lebih dikenali sebagai Voluntary Counselling and Testing (VCT)," katanya.

Selaras dengan itu, Marina mengakui pelaksanaan sulung ujian terbabit di Johor boleh menimbulkan suasana yang membimbangkan kerana ia berbentuk mandatori, iaitu paksaan bagi mereka yang ingin berkahwin di Johor.

Katanya, persoalan utama yang berbangkit ialah adakah ujian praperkahwinan ini akan mencapai niat JAJ untuk melindungi masyarakat Islam Johor sejagat?

"Sebenarnya, masih ada banyak tanda tanya dari sudut pelaksanaan rancangan ini yang belum terjawab dan boleh menjejaskan niat JAJ sendiri.

"Pertama, ujian ini perlu diambil tiga bulan sebelum tarikh berkahwin. Ini adalah jangka masa yang agak pendek kerana tempoh jendela tidak diambil kira.

"Pada amnya, apabila seseorang dijangkiti HIV, badannya akan menghasilkan antibodi untuk melawan HIV.

"Maka dengan itu, ujian HIV (juga dikenali sebagai ujian antibodi HIV) adalah bertujuan mengesan kehadiran antibodi HIV (dan bukan kehadiran virus) seseorang itu.

"Tetapi, virus HIV boleh bersembunyi dan mengambil masa selama tiga hingga enam bulan (tempoh jendela) untuk dikesan sistem daya tahan seseorang.

"Oleh itu, keputusan negatif akan diperolehi jika seseorang diuji ketika berada dalam tempoh jendela ini," katanya.

Justeru, walaupun seseorang itu mendapat keputusan negatif, status ini perlu disahkan sama ada ia adalah keputusan negatif yang benar atau palsu.

Kaunseling perlu diberikan doktrinya supaya seseorang itu datang kembali untuk menjalankan ujian kedua selepas tempoh jendela tamat. Jika ujian kedua juga negatif, barulah pasti bahawa seseorang itu HIV negatif, iaitu tidak dijangkiti HIV.

Apa yang paling penting, kata Marina, dalam tempoh jendela (di antara ujian pertama dan kedua), seseorang itu mesti mengelakkan dirinya daripada sebarang kegiatan berisiko tinggi seperti berkongsi jarum dan melakukan hubungan seks tidak selamat (tanpa kondom) dan tidak menderma darah.

"Ini kerana seseorang yang dijangkiti HIV (dan tidak dikesan pada ujian pertama) masih boleh menjangkiti orang lain.

"Jika seseorang itu memang benar negatif, dia tidak patut mendedahkan dirinya kepada sebarang kegiatan berisiko tinggi kerana akan menyebabkan keputusan yang tidak tepat untuk ujian kedua.

"Oleh itu, semua yang didapati HIV negatif apabila mengambil ujian ini (iaitu kebanyakan daripada bakal pengantin) mesti diminta menangguhkan perkahwinan mereka sekurang-kurangnya sehingga selepas enam bulan.

"Jika tidak, mereka mendapat keputusan negatif palsu dan akan menjangkiti pasangan mereka.

"Sudah tentu, ini adalah keadaan yang patut dielakkan jika kita benar-benar berniat untuk melindungi sesiapa daripada jangkitan," katanya.

Perkara kedua, kata Marina, ialah ujian yang digunakan hanya ujian rapid test.

Keputusan reaktif hasil ujian ini tidak bermakna bahawa seseorang itu pasti disahkan HIV positif.

"Keputusan ini perlu disahkan dengan ujian ELISA kerana keputusan reaktif kadangkala adalah keputusan yang palsu.

"Ini juga penting kerana kita tidak mahu sesiapa memikirkan dia dijangkiti HIV dan mengalami rasa terkejut sedangkan dia sebenarnya bukan HIV positif.

"Keputusan palsu seperti ini bukan saja akan membawa akibat emosi serius, malah jika si malang itu pula mengambil rawatan terapi anti retroviral yang terkini pula, dia akan membawa kemudaratan kepada tubuh badannya.

"Kita tidak mahu keadaan seperti ini berlaku kepada sesiapa. Tetapi, dalam prosedur yang diaturkan di Johor untuk melaksanakan rancangan ini, tidak ada sebarang peruntukan dibuat untuk ujian ELISA.

"Maka, isu keputusan palsu tidak ditangani," katanya.

Isu keputusan palsu ini, sama ada negatif palsu atau positif palsu, patut dikaji secara mendalam kerana kemungkinan orang yang mendapat keputusan palsu ini akan menyaman pihak kerajaan kerana menyebabkan penderitaan yang tidak diduga atau tanpa sebab.

Sehubungan itu, MAM beranggapan rakyat Johor berhak untuk mengharapkan perkhidmatan bertaraf tinggi daripada pihak kerajaan dan keputusan palsu seperti ini mungkin menyebabkan masyarakat hilang keyakinan kepada Jabatan Kesihatan, khususnya.

Di samping itu, Marina berharap ulama dan ahli agama memegang fungsi penting dalam menangani wabak HIV/Aids.

"Apa yang paling penting untuk menjadi pemimpin dan contoh kepada masyarakat supaya berilmu dan berpengetahuan mengenai HIV/Aids.

"Masyarakat berpengetahuan mengenai HIV/Aids akan membasmi stigma dan diskriminasi yang menghalang pencegahan dan membantu penularan wabak ini," katanya.

(END)